

## Terowong Berapit jadi mercu tanda

**T**AIPING: Pembinaan terowong Berapit bagi melengkapkan Projek Landasan Elektrik Berkembar Ipoh-Padang Besar yang menelan belanja RM12.485 juta dilihat bakal menjadi satu daripada mercu tanda baru di Perak.

Terowong Berapit sejauh 3.3 kilometer (km) iaitu satu daripada dua terowong selain Larut yang dibina di negeri ini bakal menjadi terowong landasan berkembar terpanjang di Asia Timur.

Pengarah MMC Corporation Bhd dan Gamuda Bhd (MMC-Gamuda), Datuk Azmi Mat Nor, berkata projek berkenaan kini berjalan lancar dan dilakukan secara berperingkat bagi memastikan kerja dijalankan mengikut jadual ditetapkan.

"Terowong berkenaan dibina bagi melengkapkan Sektor 1 projek dikenali Jajaran Kedai sejauh 158 km antara Bukit Mertajam dan Padang Besar, manakala Sektor 2 dikenali sebagai Jajaran Utama sejauh 171 km menghubungkan Butterworth dan Ipoh," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Projek Landasan Elektrik Berkembar Ipoh-Padang Besar bakal siap sepenuhnya menjelang 2013 sekaligus membolehkan Malaysia memiliki landasan berkembar kereta api yang menghubungkan Johor Bahru ke Padang Besar sejauh 635 km.

Projek itu dilaksana sebagai antara komponen penting untuk membentuk Rangkaian Kereta Api Rentas Asia dari Singapura ke Kunming di China.